

KANDUNGAN

BAB 1

PENGENALAN CGSO

-Latar belakang Organisasi	8
-Fungsi CGSO	10
-Dasar Integriti dan Tadbir Urus CGSO	11

BAB 2

ISU DAN CABARAN

-Faktor Dalaman dan Luaran	16-17
-Menghubungkan Hari Ini Dengan Masa Hadapan	18
-Risiko Yang Terungkai	19
-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian	20

BAB 3

KUPASAN DATA

-Analisis Data Tatakelakuan CGSO	23
-Analisis Hukuman Tatatertib	24
-Analisis Keberhutangan Serius	25
-Analisis Rasuah dan Salah guna Kuasa	26
-Punca Utama Rasuah	27
-Analisis Data	28
-Penilaian Risiko	30
-Bidang Keutamaan Berisiko	31

BAB 4

PEMERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

-Kerangka Pelan AntiRasuah CGSO	33
-Pelan Antirasuah CGSO 2022-2025	35
-CGSO kearah Perubahan	37
-Bidang Keutamaan	38-41

BAB 5

KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

-Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan	43
-Mekanisme Penilaian	44
-Semakan Semula dan Pembaharuan OACP	44

BAB 6

KESIMPULAN



UPAH HADIAH PERNIAGAAN
BONUS KOTOR BAYARAN SYARIKAT PENJARA
UNDI AGAMA JENAYAH
PERKHIDMATAN POLITIK
PENGUATKUSAJAWATAN BANK UNDANG-UNDANG
PENGUATKUSAJAWATAN WANG DISKAJUN

The word "RASUAH" is prominently displayed in large red letters in the center.

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

Pertama sekali marilah sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) 2022-2025 yang dinamakan sebagai OACP CGSO.



Saya amat sedar bahawa arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019, secara khusus telah meletakkan tanggungjawab untuk mendukung hasrat Kerajaan bagi mewujudkan negara bebas rasuah, bermakna ia adalah sesuatu yang benar-benar penting dan perlu menjadi keutamaan untuk dilaksanakan. Maka, saya dengan hati yang terbuka menyambut amanah ini untuk dilaksanakan sebaik mungkin, khususnya di peringkat CGSO.

Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan rujukan kepada semua warga kerja CGSO dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan ini bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

Sesungguhnya matlamat ini tidak akan tercapai tanpa sokongan padu dan usaha keras kita semua. Maka marilah kita sama-sama menjawai, menekuni dan melaksanakan setiap inisiatif ini dengan penuh keikhlasan serta penghayatan supaya matlamat utama penyediaan dokumen ini dapat dicapai dan membawa impak maksimum seperti yang dihasratkan.

Sekalung penghargaan dan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Pelan OACP CGSO ini.

RAHIMI BIN ISMAIL

Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen CGSO untuk membanteras gejala rasuah dalam perkhidmatan Kerajaan.

Pelan tindakan pengurusan strategik antirasuah ini dibangunkan selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkuuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam yang menyatakan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi bagi sektor awam.

Kerangka dasar dan strategi OACP ini terhasil daripada sesi perbincangan dan bengkel pembangunan yang dijalankan bersama pegawai-pegawai kanan yang dilantik daripada semua bahagian CGSO telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi memastikan pembangunan OACP ini dapat direalisasikan.

OACP ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani. Selain NACP yang juga merupakan rujukan utama dalam pembangunan pelan ini, beberapa cadangan daripada beberapa inisiatif sedia ada yang telah diperakui keberkesanan pelaksanaannya turut diambil kira.

Bagi memastikan kejayaan OACP ini, kami selaku tunjang utama CGSO dan bertekad akan memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga CGSO dengan telus, penuh bertanggungjawab dan berintegriti.

Adalah diharapkan supaya OACP ini dapat menjadi panduan bagi semua warga CGSO khususnya dan sekaligus membantu mencapai visi negara bebas rasuah menjelang 2025.

**OACP ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi
berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah
yang harus ditangani**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CGSO 2022-2025 ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2. No.1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Justeru itu, OACP sebagai dokumen utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepada dalam memerangi rasuah telah dihasilkan.

Visi OACP

Melahirkan Warga CGSO Yang Berintegriti dan Bebas Rasuah melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan Pejabat CGSO.

Misi OACP

Memperkuuhkan governans, integriti dan antirasuah warga CGSO melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa. Memastikan CGSO dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip ketelusan dan tanggungjawab.

Objektif OACP

Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan CGSO. Mendapatkan kerjasama daripada warga CGSO dalam membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas daripada salah laku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti.

Bidang Keutamaan

Menghuraikan tiga bidang keutamaan iaitu:

Keselamatan Perlindungan;
Perolehan dan Kewangan; dan
Pentadbiran dan Sumber Manusia

Strategi Keselamatan Perlindungan

Mempertingkat dan memantau perkhidmatan keselamatan perlindungan bagi meningkatkan keyakinan pelanggan serta pemegang taruh.

Strategi Perolehan dan Kewangan


Meningkatkan ketelusan dalam perolehan dan kecekapan pengurusan kewangan

Strategi Pentadbiran dan Sumber Manusia

Meningkatkan budaya kerja beretika dan berintegriti dalam warga jabatan.

Menjurus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Bahagian dan Cawangan Negeri agar selari dengan kerangka pelaksanaan OACP CGSO.

Justeru, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam merealisasikan Visi dan Misi OACP Pejabat CGSO.



BAB 1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Pegawai Keselamatan Kerajaan telah dilantik untuk bertanggungjawab kepada Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri melalui terma rujukan Pegawai Keselamatan Kerajaan bertarikh 15 Jun 1957 dan “*Confidential General Circular Memorandum No. 1, of 1958, Government Security Officer, Federation of Malaya*”.

Tugas utama jawatan ini ialah memberi khidmat nasihat keselamatan perlindungan kepada Kerajaan Negeri, Kementerian, Jabatan dan agensi kerajaan dengan tujuan untuk membantu mengekalkan tahap keselamatan fizikal, keselamatan dokumen dan keselamatan personel di semua agensi kerajaan yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa bagi melindungi terhadap espionaj dan sabotaj serta daripada kebocoran maklumat tanpa kebenaran daripada semua Jabatan dan agensi Kerajaan.

Pada awal tahun 1960an, Pejabat ini telah dipindahkan ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri apabila kementerian tersebut di tubuhkan. Walau bagaimanapun, Pejabat ini telah sekali lagi di pindahkan semula ke Jabatan Perdana Menteri mulai pada 1 Januari 1977 hingga sekarang untuk melaksanakan semula tugas dan tanggungjawab berkaitan keselamatan perlindungan seperti mana di tetapkan.



OBJEKTIF CGSO

Menjadi pusat rujukan kepada semua isu berkenaan keselamatan perlindungan meliputi keselamatan fizikal, dokumen dan personel di samping menggubal, mengeluarkan dan menentukan dasar keselamatan perlindungan untuk dilaksanakan dengan sempurna.

1

VISI CGSO

Peneraju Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting bagi menjamin keselamatan aset dan kepentingan negara.

2

MISI CGSO

Memperkasakan pengurusan Keselamatan Perlindungan dan Sasaran Penting secara holistik, bersepadu dan berimpak tinggi.

3

FUNGSI CGSO

Fungsi utama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia ialah:

- 1** Penggubal Dasar Berkaitan Pengurusan Keselamatan Perlindungan;
- 2** Menangani Sebarang Ancaman Sabotaj Yang Boleh Menjejaskan Fungsi Kerajaan Dan Kepentingan Negara;
- 3** Memberi Kesedaran Dan Memupuk Budaya Keselamatan Perlindungan;
- 4** Menguatkuasakan Dan Memastikan Pematuhan Akta Rahsia Rasmi 1972 Dan Arahan Keselamatan (Semakan Dan Pindaan 2017);
- 5** Memastikan Pematuhan Keselamatan Perlindungan ICT Selaras Dengan Arahan Keselamatan (Semakan Dan Pindaan 2017) Dan Peraturan-Peraturan Yang Sedang Berkuatkuasa;
- 6** Pengurusan Dasar Keselamatan Peribadi Pegawai Awam Dan Pihak Swasta Berkaitan;
- 7** Melindungi Aset Dan Sasaran Penting Negara;
- 8** Ketua Perkhidmatan Bagi Keselamatan Dan Pertahanan Awam (Skim KP)

**“INTEGRITI MEMBERI KEBEBASAN SEBENAR
KERANA TIADA APA YANG PERLU DITAKUTI
SEBAB TIADA PERKARA YANG DISEMBUNYIKAN”**

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS CGSO

Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu-isu integriti, governans dan antirasuah di dalam negara terutamanya dalam sektor perkhidmatan awam. Melalui usaha dan inisiatif yang dijalankan, adalah diharapkan pemborosan atau pembaziran dana kerajaan dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan. Hal ini adalah bagi memastikan imej serta kualiti perkhidmatan awam dapat dimantapkan dan akhirnya penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara secara keseluruhan dapat dipertingkatkan.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang pertama dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah bersetuju untuk merangka, menggubal serta membangunkan satu pelan yang strategik dan komprehensif bagi menangani isu-isu integriti dan rasuah dalam negara yang mana akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN). Maka dari titik tolak tersebut, Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) diwujudkan di bawah teraju oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC).

Seiring dengan pelaksanaan NACP, CGSO telah menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi CGSO 2022-2025 yang bermatlamat untuk mengekang risiko rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa dan kelemahan tadbir urus dalam organisasi ke tahap minimum sekaligus dapat memartabatkan imej CGSO sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dalam tempoh empat tahun akan datang.



**PIN
2004**



**GTP 1.0
2010**



**GTP 2.0
2012**



**OACP
2019**

KEMPEN “POLISI TIADA HADIAH”

Dalam perkhidmatan awam, amalan menerima dan memberi hadiah adalah dibenarkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1998: Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah manakala Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993, [P.U.(A)] pula melarang Pegawai Awam daripada menerima atau memberi hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya dan atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah itu diberi.

Walau bagaimanapun, penerimaan hadiah oleh penjawat awam boleh menimbulkan persepsi negatif yang boleh menjadikan kredibiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam. Sehubungan dengan itu, CGSO telah melaksanakan kempen “**POLISI TIADA HADIAH**” yang menggalakkan warga CGSO supaya tidak menerima sebarang hadiah, apa-apa pemberian atau ganjaran lain daripada individu atau pihak berkepentingan yang mempunyai hubungan kerja dan urusan rasmi dengan Pejabat CGSO.

POLISI TIADA HADIAH

Pemberian dan penerimaan hadiah oleh penjawat dan kakitangan jabatan perlu mengikut ketetapan **Surat Peringatan KPKK bertarikh 22 Disember 2015**. **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998** dan **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**. Ketidakpatuhan kepada ketetapan tersebut boleh menjurus kepada kesalahan jenayah atau pelanggaran tatatertib.



HEBAHAN PERKONGSIAN ILMU INTEGRITI

ELAKKAN DARIPADA KEBERHUTANGAN SERIUS !

[Peraturan 13 (1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kekalan dan Tatatertib) 1993]

Pegawai awam perlu memastikan kewangan diuruskan dengan bijak dan cermat.

- Potongan gaji melebihi 60% dikategorikan keberhutangan serius
- Boleh dikenakan tindakan tatatertib
- Tidak mengambil kira bagi potongan Pinjaman Perumahan (LPPSA), Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputra (ASB/ASN/ASW).

Rujukan: JPA/ST/T/702/Jd.6 [35] bertarikh 25 Disember 2005 dan JPA/BM/328/2 Ju/139 bertarikh 24 Januari 2017
UNIT INTEGRITI CGSO

PERKONGSIAN ILMU UNIT INTEGRITI BIL.2/2019

Cgunakanlah KAD "TOUCH N GO / SMART TAG" dan KAD INDEN MINYAK yang telah disediakan oleh jabatan untuk urusan rasmi dengan PENUH AMANAH

PENYALAHGUANAN KAD-KAD INI BOLEH DISIFATKAN SEBAGAI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SERTA TIDAK JUUR DAN TIDAK AMANAH

[PERATURAN 4(2)(d) DAN 4(4)(i), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

UNIT INTEGRITI PEJABAT KPK

Pelihara INTEGRITI
Semasa menggunakan *Media Sosial*

"Pegawai dan kakitangan awam dilarang menyertai kumpulan media sosial bersifat politik serta dilarang memberi pandangan, komen atau 'like' artikel bersifat politik di media sosial"

"Ja ditafsirkan juga sebagai aktif politik"

[PERATURAN 21, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

SURAT KPPA : JPA(S)TT.271 KLT. 12/ (15) bertarikh 6 April 2009

UNIT INTEGRITI PEJABAT KPK

PATUHI WAKTU BEKERJA

RUJUKAN: PEKEELING PERKHIDMATAN BIL.5 TAHUN 2019

11.05 pagi di pejabat

Aku masuk kerja pagi tadi 7.30 pagi, boleh balik sejam selepas jam bekerja. Waktu Bebas Pekerja (WBP) kan Roy?

Ye Aye, tapi perasmo sida yang arsit kesepele manapun pun sahaja sampai jam 4 pagi. Tepuk dedek, tetapi sekarang...

Pegawai BOLEH memulakan tugas pada bila-bila masa antara 7.30 pagi hingga 9.00 pagi (LEBIH JAM 9.00 PAGI DIKIRI LEWAT DAN BOLEH ORENKAN TINDAKAN TATATERTIB)

Ketua Jabatan boleh mengarahkan mana-mana pegawai untuk hadir ke pejabat pada masa yang dikehendaki dalam tempoh waktu masuk bekerja (WBB)

Bayaran Lebih Masa boleh dibayar tertakluk kepada peraturan semasa berkaitan Bayaran Lebih Masa (BBL)

Pelaksanaan kebenaran pulang awal sejarnah kepada wanita mengandung dan suami (PP11/2017) adalah terpakai

UNIT INTEGRITI CGSO

JANGAN CEMARKAN IMEJ PERKHIDMATAN AWAM

[PERATURAN 4(2)(D), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

ELAKKAN DARIPADA MELAKUKAN PERKARA – PERKARA YANG BOLEH MEMBURUKKAN DAN MENCEMARKAN NAMA BAIK PERKHIDMATAN AWAM SEPERTI :-

- X BERKHALWAT / BERKELAKUAN SUMBANG
- X MENERIMA DAN MEMBERI RASUAH
- X TERLIBAT DENGAN KEGIATAN JENAHY / DADAH
- X MELAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL

UNIT INTEGRITI PEJABAT KPK

SUDAHKAH ANDA MEMBUAT PERISYTIHARAN HARTA ?

[PEKEELING PERKHIDMATAN BIL.3/2002]
[PERATURAN 10, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

Anda telah melanggar Peraturan 10 sekiranya **TIDAK** mengisyartiharkan harta semasa :

- Lantikan pertama
- Memperolehi harta baru
- Pelupusan harta
- Dikehendaki kerajaan
- Setiap lima tahun sekali

KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB DI SETiap PERINGKAT DALAM JABATAN DAN MAMPUAN CAWANGAN UNIT

[Peraturan 3C (1)]

Adalah menjadi tugas setiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tata tertib ke atas pegawai dan kakitangan bawahan dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa – apa peranggaran disiplin.

[Peraturan 3C (2)]

Tindakan yang perlu dilakukan ke atas manusia – manusia penyalahgunaan atau pelaku yang gagal melaksanakan kawalan dan pengawasan. Matlamat tindakan ini ialah untuk kemasukan berasaskan kerana boleh disebut bahawa pelaku tidak mengikuti tata tertib yang ditetapkan.

(g) Sesoring pegawai tidak boleh –
(i) tidak berfungsi dengan baik dan
(ii) tidak dilaksanakan dengan baik

Findakan Yang Perlu Dilakukan!

Maklumat lengkap semasa penyalahgunaan pegawai boleh dilihat di setiap peringkat dan tindakan yang perlu dilakukan:

- Maklumat bersempena dengan tindakan yang dilakukan
- Maklumat bersempena dengan pengawasan tata tertib
- Dilemahan atau masek ke semasa sekitar berlaku sebarang pertukaran pegawai dan sebagainya

Apakah tugas scorang Ketua Jabatan/Penyejaria?

Peraturan 3C (2) dan 3C (3) bertarikh 10 Februari 1993.
(PU. (b) 305/1993)

UNIT INTEGRITI PEJABAT KPK

PERKONGSIAN ILMU UNIT INTEGRITI BIL.2/2019

Cgunakanlah KAD "TOUCH N GO / SMART TAG" dan KAD INDEN MINYAK yang telah disediakan oleh jabatan untuk urusan rasmi dengan PENUH AMANAH

PENYALAHGUANAN KAD-KAD INI BOLEH DISIFATKAN SEBAGAI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SERTA TIDAK JUUR DAN TIDAK AMANAH

[PERATURAN 4(2)(D) DAN 4(4)(i), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

UNIT INTEGRITI PEJABAT KPK

TANGGUNGJAWAB MELINDungi MAKLUMAT RASMI DAN RAHSIA RASMI KERAJAAN

"Tindakan sebeg boleh diambil kepada mana-mana Penjawat Awam yang terlibat dalam membocorkan maklumat rahsia rasmi Kerajaan melalui peruntukan undang-undang sedia ada atau tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kekalan dan Tatatertib) 1993 sehingga hukuman boleh dibuang kerja"

Rujukan:
1) Akta Ratu-Ratu (1972)
2) Akta Kerosakan, Complain dan Pendaftaran 2012;
3) Surat Arahan KSN berkaitan "Peringatan Berhubung Kepentingan Melindungi Maklumat Rasmi dan Rahsia Rasmi Kerajaan Sekiranya Berlaku Keboeronan" bertarikh 02 Januari 2020.

SULIT

Ye Roy, ada urusan yang penting yang perlu anda tindak. Maaf, saya tidak boleh bercakap banyak tentang itu.

Oh ya, anda bukan ahli MyHRMIS? Saya memohon permohonan anda untuk mendapatkan akses ke sistem MyHRMIS. Untuk maklumat rahsia rasmi, anda perlu membuat permohonan secara basikal.

PERINTAH AM 5 BAB C - MEMATUHI WAKTU BEKERJA

PERINTAH KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERJA DAN PERATURAN MALAYSIA JABATAN PERDANA MENTERI

MUAT TURUN DI GAMMA PLAYSTORE

TANGGUNGJAWAB MELINDungi MAKLUMAT RASMI DAN RAHSIA RASMI KERAJAAN

"Tindakan sebeg boleh diambil kepada mana-mana Penjawat Awam yang terlibat dalam membocorkan maklumat rahsia rasmi Kerajaan melalui peruntukan undang-undang sedia ada atau tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kekalan dan Tatatertib) 1993 sehingga hukuman boleh dibuang kerja"

Rujukan:
1) Akta Ratu-Ratu (1972)
2) Akta Kerosakan, Complain dan Pendaftaran 2012;
3) Surat Arahan KSN berkaitan "Peringatan Berhubung Kepentingan Melindungi Maklumat Rasmi dan Rahsia Rasmi Kerajaan Sekiranya Berlaku Keboeronan" bertarikh 02 Januari 2020.

SULIT

Ye Roy, ada urusan yang penting yang perlu anda tindak. Maaf, saya tidak boleh bercakap banyak tentang itu.

Oh ya, anda bukan ahli MyHRMIS? Saya memohon permohonan anda untuk mendapatkan akses ke sistem MyHRMIS. Untuk maklumat rahsia rasmi, anda perlu membuat permohonan secara basikal.

MUAT TURUN DI GAMMA PLAYSTORE

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam

• Memudahkan perjomahan keluar pejabat dilakukan secara on-the-go

• Memudahkan pelulus mempertimbangkan dan melihat status kelulusan keluar pejabat

• Pemantauan diselidik dengan Dashboard Individu, Dashboard Pelulus & Dashboard Pengurusan

• Laporan pegawai bercuti, tiada dipejabat mengikut pilihan tarikh



BAB 2

ISU DAN CABARAN

Laporan Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index atau CPI) tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia pada 28 Januari 2021 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-57 daripada 180 negara berbanding tangga ke-51 daripada 180 negara pada tahun 2019. Indeks ini memfokuskan elemen rasuah dalam sektor awam dan ahli politik dengan melihat kepada penyalahgunaan kemudahan awam untuk kepentingan atau keuntungan peribadi.

Usaha membina budaya bencikan rasuah seharusnya bermula di peringkat tertinggi yang perlu seiring dengan etika dan integriti. Sekiranya amalan rasuah berleluasa, gejala ini sudah pasti akan membawa pelbagai impak negatif seperti penindasan di kalangan masyarakat, kerosakan dan ancaman kepada negara, serta menggugat keharmonian dan keamanan.

Sikap mudah terpengaruh dengan kemewahan, tamak, kelemahan pihak pengurusan, penyalahgunaan kuasa dan kewujudan ruang dan peluang menjadi antara punca utama gejala rasuah berleluasa. Amalan rasuah bukan sahaja mencemari imej Jabatan, tetapi juga memberi kesan kepada negara malah imej pihak yang terlibat disamping menggugat kualiti kerja. Oleh itu, rasuah perlu ditangani bagi memperkasakan identiti dan harapan Kerajaan.

“Elemen Integriti Dan Antirasuah Perlu Dititikberatkan Dalam Semua Urusan di Pelbagai Lapisan, Bukan Sahaja di Peringkat Bawahan Bahkan Juga Di Peringkat Pertengahan Dan Atasan”

**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara (KSN)**

FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN CGSO

Kelemahan Penghayatan Dan Pengamalan Etika Dalam Kalangan Warga Mengakibatkan Terdedah Kepada Amalan Penyelewengan Dan Salahguna Kuasa

Etika Perkhidmatan Awam tidak lagi dijadikan panduan dan pedoman semasa menjalankan tanggungjawab dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan jabatan. Oleh itu, warga Jabatan tidak memiliki benteng pertahanan ampuh yang boleh melindungi mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi perundangan dan peraturan Jabatan.

Kelemahan Kawalan Dalaman

Keampuhan sistem kawalan dalaman Jabatan sangat penting bagi memastikan setiap warganya dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan penuh berintegriti. Tindakan punitif terhadap pegawai yang melanggar undang-undang dan integriti juga perlu dilaksanakan dengan segera dan menyeluruh bagi memberi kesedaran kepada warga yang lain. Namun begitu, hasrat ini sukar untuk direalisasikan kerana kapasiti pegawai di Unit Integriti yang terhad berbanding jumlah perjawatan untuk mengendalikan fungsi pematuhan, pengesahan dan pengesahan terhadap salahlaku pegawai.

Tahap Pematuhan Prosedur Yang Rendah Oleh Segelintir Warga Jabatan

Pematuhan terhadap prosedur sedia ada yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan mestilah menjadi sumber rujukan utama dalam penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi pemegang taruh serta pelanggan dalaman dan luaran Jabatan. Walaupun warga CGSO hampir keseluruhannya sentiasa memastikan pematuhan terhadap peraturan yang berkuatkuasa, terdapat segelintir kakitangan yang berbuat sebaliknya. Tindak-tanduk yang tidak merujuk kepada prosedur sesuatu proses kerja serta cenderung untuk mentafsir sendiri berdasarkan amalan turun-temurun akan memberi kesan negatif kepada penyampaian perkhidmatan CGSO. Lebih parah jika terdapat sebarang tindakan yang bersalah dengan prosedur Jabatan sehingga bercanggah dengan perundangan sedia ada sekaligus akan menjatuhkan imej dan martabat CGSO.

FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN CGSO

Kesukaran mengesan perlakuan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan warga Jabatan

Perlakuan pemberian dan penerimaan rasuah dalam kalangan warga jabatan telah berubah seiring dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi dan sistem yang terdapat masa kini. Penggunaan teknologi dan sistem ini didapati amat berkesan dalam mengaburi mata pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan untuk mengesan, mencegah sekaligus mengenakan tindakan punitif yang tegas kepada mereka yang terbabit.

Keperluan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dalam dan luaran serta pemegang taruh

Jabatan didapati sukar untuk menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi ekspektasi pelanggan dalaman dan luaran serta pemegang taruh berikutan kekangan kemahiran, pengetahuan, keupayaan dalam mematuhi perundangan serta peraturan. Justeru itu, Pengurusan Tertinggi Jabatan perlu meningkatkan kompetensi warga CGSO serta membudayakan kerja berprestasi tinggi bagi meningkatkan tahap profesionalisme Jabatan.

*Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan
Daripada Jabir bin Abdullah R.A yang bermaksud:*

“Tidak akan memasuki syurga, daging yang tumbuh daripada yang haram, api neraka lebih utama baginya”

MENGHUBUNGKAN HARI INI DENGAN MASA HADAPAN

Senario berikut mewakili masa hadapan yang berkemungkinan berlaku pasca pelancaran OACP

*Matrik senario berikut mewakili input kolektif yang diperolehi daripada peserta Bengkel OACP

SENARIO KEBIMBANGAN (CONTINUATION)	Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan OACP tetapi tidak berupaya bertahan atau tidak mampan.
SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)	Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam OACP tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.
SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)	Masa hadapan di mana hasil kewujudan OACP telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah jabatan yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.
SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)	Rasuh menjadi kelaziman dalam kalangan warga CGSO sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

Firman Allah S.W.T dalam surah An-Nisa- ayat 58 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah mendengar, lagi sentiasa melihat”

RISIKO YANG TERUNGKAI

Scenario yang dibangunkan turut mengenalpasti risiko berikut:

Data Dan Maklumat Sebagai Komoditi yang mudah untuk dimanipulasi bagi tujuan kepentingan peribadi.

Peranan Media Digital, Perubahan Perisian Dan Perkakasan Lapuk. Pengurusan CGSO perlu lebih teliti dalam menyediakan teknologi digital dan ICT. Kegagalan dalam mengendalikannya dengan sempurna boleh mengakibatkan insiden kebocoran maklumat.

Amalan Rasuah di Awal Perkhidmatan. Amalan rasuah yang terjadi dalam kalangan warga CGSO di peringkat awal perkhidmatan menjadi barah dalam jabatan jika perkara ini diketahui tetapi tidak diambil tindakan. Pencegahan awal mampu mengawal fenomena ini.

Kewujudan ‘Little Napoleon’. Istilah Little Napoleon merujuk kepada penjawat awam yang berada di sesuatu kedudukan (bukannya peringkat tertinggi) tetapi berlagak seolah-olah begitu berkuasa. Golongan ini digambarkan kurang membantu, sompong dan angkuh serta memanipulasi pegawai atau orang awam. Golongan ini boleh terus wujud walaupun dalam sebuah Jabatan yang telah melalui transformasi, melainkan tindakan tegas diambil untuk mengawalnya.

Pengaruh Pihak Luar Yang Mendesak boleh menjelaskan pertimbangan serta ketelusan sesuatu keputusan. Malahan, pengaruh ini berpotensi menyebabkan ketelusan sesuatu keputusan dipertikaikan.

PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Dengan membangunkan senario antirasauh pada masa hadapan, kewujudan gunting dalam lipatan akan dapat dikesan. Justeru itu, pengurusan tertinggi di jabatan perlu memberi lebih perhatian dan persediaan untuk berhadapan dengan keadaan yang mencabar ini.




Komplot daripada pelbagai pihak terhadap setiap pegawai dan kakitangan CGSO berkaitan dengan pelbagai perkara yang mengundang kepada rasauh akan mengakibatkan sesuatu keputusan yang tidak wajar akan berlaku jika tidak dibendung diperingkat awal lagi.

OACP Dilihat Hanya Sebagai Simbolik

Kiasan ini digunakan untuk menggambarkan tentang wujudnya dasar yang tampak hebat tetapi tidak dilaksanakan. Inti pati OACP tidak dihayati, malahan pelaksanaannya tidak menyeluruh di semua peringkat sehingga gagal memberikan impak yang diharapkan. Kelemahan nilai integriti dan penguatkuasaan di sesuatu organisasi menyebabkan berlakunya beberapa keputusan yang diambil bertentangan dengan undang-undang dan tidak telus.

Pengaruh Luar


Tadbir urus yang baik bergantung kepada perlaksanaan sistem semak dan imbang. Namun, tadbir urus yang efisien ini sukar direalisasikan akibat wujudnya pengaruh luar dalam membuat keputusan. Lebih buruk lagi, dengan kelemahan pelaksanaan mekanisme bagi mengawal pengaruh luar, gejala ini akan berterusan. Pengaruh luar ini merupakan ancaman yang menggugat nilai, etika dan komitmen tadbir urus pegawai dan kakitangan organisasi.





BAB 3

KUPASAN DATA



ANALISIS DATA TATAKELAKUAN DI CGSO

Dalam usaha untuk mencapai objektif sistem penyampaian awam yang berintegriti, CGSO telah menubuhkan Unit Integriti melalui Pekeliling Bil.6 Tahun 2013. Unit ini berfungsi sebagai satu unit kawalan dalaman yang menguruskan isu-isu integriti organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan, Pematuhan, Pengesahan dan Pengesahan serta Tatatertib. CGSO telah menguruskan tindakan tatatertib berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



Carta 1: KES TATATERTIB CGSO SEPANJANG 2016 HINGGA 2020

Carta 1 menunjukkan kes tatatertib CGSO bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2016 sehingga 2020. Sepanjang tempoh tersebut, bilangan kes tatatertib yang tertinggi dicatatkan adalah pada tahun 2017 iaitu sebanyak 9 kes. Manakala, tahun 2020 mencatatkan bilangan kes tatatertib terendah iaitu sebanyak 2 kes. Statistik yang diterima oleh pihak pengurusan menunjukkan antara permasalahan disiplin yang berlaku adalah melibatkan kesalahan seperti jenayah, ketidakhadiran bertugas, pemalsuan kehadiran dan salah guna aset kerajaan.


Antara faktor penyumbang kepada peningkatan bilangan kes tatatertib sepanjang tahun 2016 sehingga 2020 adalah disebabkan oleh kurangnya kesedaran berhubung kesalahan tatakelakuan di kalangan pegawai CGSO. Bagi menangani isu ini, Unit Integriti CGSO telah mengambil inisitif dengan melaksanakan Taklimat Kesedaran dan Program Pengukuhan Integriti secara bulanan/dwi mingguan mulai tahun 2017. Inisiatif ini telah memberikan impak positif kepada penurunan bilangan kes pada tahun 2020.

ANALISIS HUKUMAN TATATERTIB

TAHUN	JENIS HUKUMAN	BILANGAN
2016	Amaran	1
	Tangguh Pergerakan Gaji	1
	Turun Gaji	1
	Buang Kerja	1
2017	Amaran	6
	Turun Gaji	2
	Buang Kerja	1
2018	Amaran	2
	Tangguh Pergerakan Gaji	2
	Buang Kerja	1
2019	Amaran	2
	Tangguh Pergerakan Gaji	1
	Buang Kerja	3
2020	Buang Kerja	2
	Jumlah Keseluruhan	26

Jadual 1: HUKUMAN TATATERTIB CGSO SEPANJANG 2016 HINGGA 2020

Pelaksanaan tindakan tatatertib terhadap pegawai adalah bertujuan untuk menghukum pelaku disamping memberi pengajaran kepada pegawai lain. Berdasarkan Jadual 1, sepanjang tahun 2016 sehingga 2020, sebanyak 26 kes telah diselesaikan. Sepanjang tempoh tersebut, amaran adalah merupakan hukuman tatatertib yang tertinggi dikenakan mewakili 42.3% atau 11 kes, diikuti dengan hukuman buang kerja (30.8% atau 8 kes), tangguh pergerakan gaji (15.4% atau 4 kes) dan turun gaji (11.5% atau 3 kes). Carta 2 menunjukkan analisis hukuman tatatertib bagi tahun 2016 sehingga 2020. Pengurusan tatatertib yang berkesan dapat memberi keyakinan kepada warga CGSO dan orang awam untuk membuat aduan bagi sebarang salah laku pegawai.



CARTA 2: HUKUMAN TATATERTIB CGSO SEPANJANG 2016 HINGGA 2020

ANALISIS KEBERHUTANGAN SERIUS DI CGSO




CARTA 3: ANALISIS STATISTIK KADAR KEBERHUTANGAN SERIUS DI CGSO

INFO: Saringan yang telah dilakukan dengan tidak mengambil kira potongan seperti simpanan ASNB, Tabung Haji dan Bayaran Emolumen dan menggunakan 60% sebagai penanda aras.

Berdasarkan kepada analisis di Carta 3 didapati bahawa kadar keberhutangan serius di kalangan skim KP mendahului daripada lain-lain skim perkhidmatan. Walaupun pola graf menunjukkan penurunan daripada tahun 2018 hingga 2019, namun kadar keberhutangan serius kakitangan dari skim KP masih menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding lain-lain skim perkhidmatan.

Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id Al-Khudri R.A yang bermaksud:

"Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemahnya iman"

ANALISIS DATA BERKAITAN KESALAHAN MAKLUMAT RASUAH DAN SALAHGUNA KUASA DI CGSO TAHUN 2016-2020**MAKLUMAT RASUAH DAN SALAHGUNA KUASA****Carta 4: ANALISIS DATA BERKAITAN KESALAHAN JENAYAH RASUAH DI CGSO**

Sepanjang tempoh 2016 sehingga 2020, kesalahan bagi salah guna kuasa mencatat sebanyak dua (2) kes oleh pegawai kakitangan kader CGSO di agensi dan kesalahan jenayah rasuah (meminta imbuhan) mencatatkan sebanyak satu (1) kes di CGSO. Walaupun bilangan kes rendah, risiko ini perlu dikawal bagi mengelakkan kecuaian dan penyalahgunaan kuasa daripada terus berulang.

PUNCA UTAMA RASUAH

Berdasarkan kepada analisa yang dijalankan serta rekod yang dikumpul dari siasatan yang telah dijalankan mendapati bahawa, punca berlakunya kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 ialah:

1

Pegawai kurang berintegriti dalam menggalas tanggungjawab semasa menjalankan tugas.

2

Kadar keberhutungan yang serius antara punca berlakunya gejala rasuah, kerana mencari jalan pintas bagi menampung tambahan hutang yang dihadapi dengan menerima rasuah sebagai jalan penyelesaian.

3

Kelemahan Prosedur Operasi Standard (SOP) itu sendiri sama ada dari segi penguatkuasaan mahupun pentadbiran sedikit sebanyak membuka ruang dan peluang kepada mereka yang tidak bertanggungjawab terlibat dengan jenayah rasuah.

4

Amalan gaya hidup mewah turut menjadi punca terjadinya jenayah rasuah, yang mana memerlukan wang lebih bagi menampung gaya hidup dan akhirnya perbelanjaan melebihi pendapatan yang sepatutnya.

5

Kurang pemantauan/ penyeliaan daripada pihak pengurusan berikutan kelemahan mekanisme pemantauan yang jitu terhadap pegawai bawahan semasa menjalankan tugas.

ANALISIS DATA

Melalui analisa Matrik Tahap Risiko terdapat 13 risiko yang dikenal pasti melibatkan integriti, tadbir urus dan rasuah. Sebanyak lima (5) risiko yang dikenal pasti pada tahap tinggi yang mungkin memberikan impak kepada jabatan. Penekanan akan diberikan kepada tahap risiko yang tinggi yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusan CGSO. Analisa matrik tahap risiko adalah seperti Rajah 1.

Rajah 1: MATRIK TAHAP RISIKO DI CGSO

	Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic
Almost certain					
Likely	9	13			
Moderate		3,8,12		1,2,4,5,6	
Unlikely			11		
Rare				10	

PETUNJUK Rendah Sederhana Signifikan Tinggi

PENEKANAN INISIATIF

Ringkasan berikut menunjukkan lima (5) inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 18 inisiatif yang telah dikenalpasti. Ia berdasar tiga (3) strategi utama berkaitan Keselamatan Perlindungan, Perolehan dan Kewangan dan Pentadbiran dan Sumber Manusia.

BIL.	INISIATIF	TAHAP RISIKO
1.	Menambahbaik garis panduan pengurusan permohonan tapisan keselamatan berkaitan proses kerja pegawai pengesah; dan	1
2.	Mewujudkan sistem baharu bagi menggantikan sistem tapisan keselamatan yang lama.	
3.	Mengadakan kursus pengurusan kesedaran dan taklimat kesedaran;	
4.	Peringatan kepada pematuhan arahan dan pekeliling berkaitan;	
5.	Naziran dan pemantauan berkala;	2 dan 6
6.	Menyemak dan merujuk pekeliling perbendaharaan dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perolehan yang terkini dari semasa ke semasa; dan	
7.	Mewajibkan pusingan kerja untuk jawatan-jawatan sensitif.	
8.	Menambahbaik garis panduan pengurusan penyeliaan syarikat kawalan;	
9.	Memperkasakan tindakan punitif yang lebih tegas; dan	4 dan 5
10.	Memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti kakitangan melalui Pelan Strategik Sumber Manusia.	

PENILAIAN RISIKO

Data risiko rasuah diperolehi semasa Bengkel PRR OACP yang telah diadakan pada 23 hingga 26 Ogos 2021. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Integriti, Pejabat CGSO dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi memenuhi keperluan pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah untuk mengenal pasti ruang dan peluang berlakunya salah laku dan jenayah rasuah dalam CGSO.

Peserta bengkel adalah terdiri daripada wakil Bahagian, Negeri dan Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) Pejabat CGSO. Maklumat-maklumat yang diisi pada Borang Pendaftar Risiko oleh pegawai-pegawai yang dilantik telah dianalisis oleh pihak MACA.

Selain itu, data daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), data dalaman jabatan, Pelan Strategik CGSO 2020-2022 dan data aduan dari Biro Pengaduan Awam (BPA) juga turut digunakan sebagai input untuk menilai risiko. Hasil analisis data-data di atas, beberapa sektor yang berpotensi menyumbang kepada amalan tidak berintegriti dan salahlaku rasuah telah dikenalpasti CGSO iaitu Keselamatan Perlindungan, Perolehan dan Kewangan dan Pentadbiran dan Sumber Manusia.

Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah yang bermaksud:

“Akan datang suatu masa manusia, tidak lagi peduli cara untuk mendapatkan harta, sama ada dengan cara yang halal ataupun dengan cara yang haram”

BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

1

KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Pejabat CGSO perlu mempertingkat dan memantau perkhidmatan keselamatan perlindungan bagi meningkatkan keyakinan pelanggan serta pemegang taruh. Prosedur kerja beberapa bahagian yang berisiko perlu dilihat semula bagi memastikan tidak terdedah dengan ruang dan peluang kepada salah laku dan gejala rasuah.

2

PEROLEHAN DAN KEWANGAN

Perolehan awam merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan dan perusahaan milik awam. Memandangkan perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang Kerajaan, CGSO perlu mengoptimumkan penggunaannya bagi memastikan kepentingan awam dilindungi. Perolehan merupakan salah satu bidang paling berisiko terdedah kepada salah laku dan jenayah rasuah. Ketelusan dalam perolehan dan kecekapan pengurusan kewangan perlu dipertingkatkan bagi memastikan salah laku dapat diminimakan.

3

PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

Meningkatkan budaya kerja beretika dan berintegriti dalam warga jabatan.



BAB 4

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI CGSO 2022-2025



BIDANG KEUTAMAAN

KESELAMATAN
PERLINDUNGAN

PEROLEHAN DAN
KEWANGAN

PENTADBIRAN DAN
SUMBER MANUSIA

STRATEGI

Meningkatkan budaya kerja beretika dan berintegriti dalam warga jabatan

Meningkatkan ketelusan dalam perolehan dan kecekapan pengurusan kewangan

Mempertingkat dan memantau perkhidmatan keselamatan perlindungan bagi meningkatkan keyakinan pelanggan serta pemegang taruh.

PELAN ANTIRASUAH CGSO 2022-2025



03
BIDANG
KEUTAMAAN



03
STRATEGI



04
OBJEKTIF
STRATEGIK



17
RISIKO



18
INISIATIF

MENGENAI KERANGKA PELAN

Kerangka ini secara umumnya menggariskan misi yang menyumbang kepada keberkesanan usaha pemberantasan rasuah di CGSO ini dengan memperkuatkan governan, integriti dan antirasuah warga CGSO melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang dikuatkuasakan.

ASPIRASI ORGANISASI	VISI	OBJEKTIF	MISI
CGSO dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.	<p>Melahirkan warga CGSO berintegriti dan bebas rasuah.</p> <p>Memastikan warga CGSO mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan tahap integriti yang tinggi dalam membendung salah laku dan jenayah rasuah serta pelanggaran tatakelakuan seiring dengan etika organisasi.</p>	<p>Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan CGSO.</p> <p>Mendapatkan kerjasama daripada warga CGSO dalam membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan bebas daripada salah laku bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah dan berintegriti.</p>	<p>Memperkuatkan governans, integriti dan antirasuah warga CGSO melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.</p> <p>Memastikan CGSO dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak pelanggan berlandaskan prinsip ketelusan, integriti dan bertanggungjawab.</p>

CGSO KE ARAH PERUBAHAN



Tidak dinafikan, CGSO perlu menangani gejala rasuah dengan segera dan mewujudkan sistem pentadbiran yang berintegriti tinggi demi kestabilan organisasi dan kesejahteraan warganya. Hal ini juga diperakui bahawa rasuah telah membawa banyak kepincangan. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan CGSO.

Ke arah itu, CGSO telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi iaitu melahirkan warga yang berintegriti dan bebas rasuah. Selaras dengan hasrat "**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**" CGSO akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari untuk tempoh empat tahun akan datang.

Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA – “Membanteras Rasuah”, dengan NACP yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Di peringkat CGSO, OACP akan memacu ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti dan akauntabiliti dalam semua sistem dan prosedur di CGSO. OACP juga bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti CGSO sekaligus meningkatkan persepsi positif pelanggan.

PELAN ANTIRASUAH CGSO 2022-2025

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan hasil kajian daripada pelbagai sumber serta Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi. Hasilnya, OACP menggariskan sebuah kerangka yang menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pegawai dan kakitangan menangani permasalahan rasuah di Ibu Pejabat CGSO dan cawangan Negeri melalui pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi CGSO (OACP).



BIDANG KEUTAMAAN 1 HINGGA 3

**PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI
CGSO
2022 - 2025**

BIDANG KEUTAMAAN:**KESELAMATAN PERLINDUNGAN**

STRATEGI Meningkatkan dan memantau perkhidmatan keselamatan perlindungan bagi meningkatkan keyakinan pelanggan serta pemegang taruh

OBJEKTIF STRATEGIK

1	Memperkuuhkan pengurusan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan tapisan keselamatan
2	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan, pekeliling dan garis panduan berkaitan pengurusan kawalan keselamatan

BIL.	INISIATIF	OBJEKTIF STRATEGIK	BAHAGIAN PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Menambahbaik garis panduan pengurusan permohonan tapisan keselamatan berkaitan proses kerja pegawai pengesah	1	Bahagian Keselamatan Personel	12 bulan (Jan. 2022 – Dis. 2022)
2	Mewujudkan sistem baharu bagi menggantikan sistem tapisan keselamatan yang lama	1	i) Bahagian Keselamatan Personel; ii) Seksyen Teknologi Maklumat, BKP	3 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2024)
3	Menambahbaik garis panduan pengurusan penyeliaan syarikat kawalan	2	Bahagian Keselamatan Fizikal dan Penilaian teknikal	12 bulan (Jan. 2022 – Dis. 2022)
4	Memperkasakan tindakan punitif yang lebih tegas	2	Unit Integriti	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
5	Memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan akauntabiliti dan integriti kakitangan melalui Pelan Strategik Sumber Manusia	2	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BKP	12 bulan (Jan. 2022 – Dis. 2022)
6	Mengadakan Kursus Pengurusan Kesedaran Keselamatan berhubung dengan Arahan Keselamatan	2	Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)

BIDANG KEUTAMAAN:**PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

STRATEGI	Meningkatkan ketelusan dalam perolehan dan kecekapan pengurusan kewangan		
OBJEKTIF STRATEGIK	Meningkatkan ketelusan perolehan awam dan pengurangan risiko rasuah		
BIL.	INISIATIF	BAHAGIAN PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Mengadakan Kursus Pengurusan Kesedaran dan Taklimat Kesedaran	Unit Integriti	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
2	Peringatan kepada pematuhan arahan dan pekeliling yang berkaitan	Seksyen Kewangan, BKP	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
3	Naziran dan pemantauan berkala	Seksyen Kewangan, BKP	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
4	Menyemak dan merujuk pekeliling perbendaharaan dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perolehan yang terkini dari semasa ke semasa	Seksyen Kewangan, BKP	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
5	Mewajibkan pusingan kerja untuk jawatan-jawatan sensitif yang melibatkan perolehan	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	2 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2023)
6	Mewajibkan pelaksanaan Program Latihan Akauntabiliti, Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pemeriksaan Tatacara Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Perolehan	i) Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia; ii) Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)

Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan daripada Thaiban R.A yang bermaksud:

“Rasulullah S.A.W melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara yang bersifat penghubung antara kedua-duanya”

BIDANG KEUTAMAAN:**PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA**

STRATEGI Meningkatkan budaya kerja beretika dan berintegriti dalam warga jabatan

OBJEKTIF STRATEGIK	Memperluaskan pelaksanaan program kesedaran integriti dan urusan tata tertib		
BIL.	INISIATIF	BAHAGIAN PENERAJU	TEMPOH MASA
1	Memperkasakan tindakan punitif yang lebih tegas	Unit Integriti	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
2	Pemantauan dan penyeliaan daripada pegawai penyelia (taklimat dan arahan tugas rasmi bertulis)	Unit Integriti	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
3	Mewajibkan perkongsian Slot Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah dalam setiap kursus dan latihan yang dianjurkan berdasarkan: i. Kursus melebihi 5 hari; dan ii. Kursus yang melebihi penilaian dan sebagainya	i) Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia; ii) Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
4	Melakukan Semakan dan Kajian Semula serta menambahbaik sistem pengurusan Pelan Penggantian bagi menyediakan pelapis kepada jawatan strategik	Bahagian Khidmat Pengurusan	12 bulan (Jan. 2022 – Dis. 2022)
5	Mewajibkan warga CGSO membaca dan memahami Ikrar Bebas Rasuah, Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Ikrar Perkhidmatan Awam	Unit Integriti	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)
6	Melaksanakan program kesedaran pengurusan rahsia rasmi dan amalan bebas rasuah dengan lebih komprehensif	i) Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia; ii) Unit Integriti iii) Seksyen Pengurusan Sumber Manusia;	Tempoh 4 tahun (Jan. 2022 – Dis. 2025)



BAB 5

KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Bagi memastikan pelaksanaan OACP CGSO yang cekap dan sistematik, kerjasama semua pihak adalah penting bagi memenuhi aspirasi Kerajaan yang ditetapkan melalui NACP. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP CGSO hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas berikut:



Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Maidah, ayat 88 yang bermaksud:

“Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah S.W.T kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah S.W.T yang kepada-Nya sahaja kamu beriman”

MEKANISME PENILAIAN

Penilaian terhadap keberkesanan OACP dilaksanakan dengan tujuan untuk:

- 1 Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti;
- 2 Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai;
- 3 Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang; dan
- 4 Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

Jawatankuasa Antirasuah CGSO akan memastikan penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program antirasuah. Penilaian tersebut boleh dijalankan melalui audit dalaman atau audit oleh pihak luar. Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan antirasuah sedia ada di CGSO.

SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP

Semakan semula keberkesanan OACP CGSO ini akan dijalankan pada setiap tahun bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada keupayaan pelaksanaan inisiatif tersebut. Setiap perkembangan dan pencapaian akan dilaporkan mengikut struktur jawatankuasa yang telah ditetapkan.

Kajian semula OACP CGSO akan dibuat pada tahun 2025 bagi melihat keberkesanan pelaksanaannya dan tindakan pembaharuan yang dikenalpasti akan dimasukkan dalam kesinambungan pelan pada tahun berikutnya.

Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah yang bermaksud:

“Akan datang suatu masa manusia, tidak lagi peduli cara untuk mendapatkan harta, sama ada dengan cara yang halal ataupun dengan cara yang haram”



BAB 6

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) CGSO adalah bagi memperlihatkan komitmen Jabatan dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan. Inti pati Pelan ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar Kerajaan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah. Ini dapat dilihat menerusi tiga (3) strategi merangkumi 18 inisiatif yang telah dikenalpasti dan disediakan untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah CGSO.

Bagi memastikan keberkesanan OACP ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dikenalpasti akan dipantau dan dikaji semula secara berkala. CGSO akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Kejayaan pelaksanaan 18 inisiatif dalam tempoh 4 tahun akan datang bakal menentukan hala tuju baharu Pejabat CGSO dalam aspek penambahbaikan governans, integriti dan antirasuah untuk kelangsungan dan kelestarian pelan ini pada masa hadapan.

INTEGRITI AMALAN KITA

Firman Allah S.W.T dalam surah Hud, ayat 123 yang bermaksud:

“Dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dengan apa yang kamu lakukan”

GANGGUAN SEKSUAL SATU KESALAHAN
[PERATURAN 4A, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993]

SEBARANG PERBUATAN BERSIFAT SEKSUAL YANG BOLEH MENYEBABKAN SSEEORANG YANG WARAS TERSINGGUNG, TERHINA ATAU TERUGUT BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

ELAKKAN:

- ✗ BERCERITA / JENAKA LUCAH
- ✗ BUAT ISYARAT LUCAH
- ✗ MENYENTUH ANGGOTA SENSITIF BADAN

Gangguan Seksual di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan

“Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan”. Akta memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, atau denda, atau sebatan, atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika disabitkan kesalahan.

Unit Integriti Pejabat KPKK

JANGAN PONTENG KERJA
[PERATURAN 24, PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN & TATATERTIB) 1993]

KETIDAKHADIRAN TANPA CUTI ATAU TANPA KEBENARAN ATAU TANPA SEBAB YANG MUNASABAH BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

TIDAK HADIR BOLEH DITAFSIRKAN BAGI APA - APA JUA TEMPOH MASA, PADA MASA DAN TEMPAT PEGAWAI ITU DIKEHENDAKI HADIR BAGI PELAKSANAAN TUGAS - TUGASNYA

UNIT INTEGRITI PEJABAT KPKK



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada:

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

YBrs. Puan Julaila binti Engan
Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Pasukan OACP CGSO

Encik Azali bin Bachok
Encik Azarul Zaman bin Eliah
Encik Ag. Mohd Ismail bin A.M. Nordin
Puan Jashida binti Jaafar
Puan Hidayah binti Mat Yusof
Encik Noraindilah bin Ayub
Encik Muhamad Ashraf bin Zainal Abidin
Encik Mohamad Zaihan bin Wasimin

Pereka Grafik
Encik Yuhazan bin Yunus

Terima kasih juga kepada semua pegawai-pegawai lain yang telah membantu dalam menjayakan pembangunan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung dan memberikan maklum balas yang berharga kepada kami.